



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 9 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	COVID-19: JAMIN BEKALAN MAKANAN CUKUP SEPANJANG PKP, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	BEKALAN MAKANAN BERADA DI TAHP YANG STABIL DAN MENCUKUPI - YB RONALD KIANDEE, GERBANG POST -ONLINE	
3.	PEMERINTAH SEGERA PASOK 250 RIBU TON GULA PASIR KE PASAR, NEWS, HEAD TOPICS -10	
4.	PERINTAH: FAMA KEDAH CATAT NILAI JUALAN LEBIH RM2.47 JUTA SEPANJANG PKP, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	FAMA KEDAH HANTAR BARANG KE RUMAH, HM -ONLINE	
6.	PKP: HANTAR TERUS KE RUMAH PELANGGAN, BH -ONLINE	
7.	KEDAH FAMA RECORDS RM2.47 MILLION IN SALES DURING MCO, BERNAMA -ONLINE	
8.	PETANI LEGA, JALANKAN AKTIVITI PERTANIAN SEPERTI BIASA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
9.	TIADA LAMBAKAN SAYUR DAN BUAH DI PULAU PINANG, PROJEK MM -ONLINE	
10.	SAYUR, BUAH FAMA UNTUK PENUNTUT UNISZA, MY METRO -ONLINE	
11.	VENTURE PAYS OFF FOR FAMA, THE STAR -ONLINE	
12.	VEGGIES CAN BE TRANSPORTED OUT OF KUNDASANG: JUNZ, THE SUN DAILY -ONLINE	
13.	GREENS FROM KUNDASANG CAN NOW BE TRANSPORTED OUT, NATION, THE STAR -10	
14.	BERAS CUKUP SEHINGGA ENAM BULAN, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15.	SABAH FOOD SECURITY: FAILING TO PREPARE IS PREPARING TO FAIL, THE STAR -ONLINE	LAIN-LAIN
16.	PRIHATIN PACKAGE FOR SMES WILL DRIVE BUSINESS MOMENTUM - SABAH SMES, HOME, BORNOE POST (KK) -4	
17.	SABAH CAN BE FOOD BASKET - INSTITUTE, HOME, BORNEO POST (KK) -5	
18.	MAKE MALAYSIA'S MCO A MODEL FOR MANY, NST -ONLINE	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Covid-19: Jamin bekalan makanan cukup sepanjang PKP



Ronald Kiandee. Foto: Internet

KUALA LUMPUR- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengambil pelbagai langkah proaktif bagi memastikan bekalan makanan termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang masuk minggu ketiga.

Menteri berkennaan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia termasuk kerjasama dengan kementerian lain bagi memastikan perkhidmatan logistik, pengangkutan, premis dan kilang yang menyokong rantaian bekalan dan pemasaran makanan dibenarkan terus beroperasi seperti sedia kala.

"Selain itu, saya menyeru kepada para petani, nelayan dan penternak supaya terus menjalankan dan mempertingkat aktiviti masing-masing kerana anda terlibat dalam perkhidmatan perlu atau essential iaitu bekalan makanan."

"Semua usaha dan langkah yang kita ambil ini adalah untuk memastikan kelangsungan ekosistem rantaian bekalan makanan terjamin serta sampai kepada pengguna dengan segera dan dalam keadaan segar juga teratur," katanya dalam satu pesanan khidmat awam yang disiarkan menerusi stesen televisyen hari ini.

Sebelum ini, kementerian memaklumkan sebanyak 97 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepat pengedaran makanan negara. Kiandee berkata, pihak kementerian juga menggalakkan inisiatif pengedaran bekalan makanan secara dalam talian melalui portal Agrobazaar Online dan di luar talian atau offline melalui rangkaian outlet-outlet pemasaran terpilih.

Beliau menasihati rakyat Malaysia supaya tidak membuat pembelian panik atau menyimpan stok bahan makanan secara berlebihan.

"Jangan bimbang dan jangan khuatir. Kementerian saya akan terus memantau dan bekerjasama dengan pihak pengeluar, pengedar serta kementerian dan agensi kerajaan lain bagi memastikan bekalan makanan terus berada dalam tahap yang stabil dan terkawal sepanjang tempoh PKP," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian juga akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh para petani, nelayan dan penternak.

"Saya yakin dan percaya akan kecekalan rakyat Malaysia dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran sepanjang tempoh PKP ini. Teruskan duduk di rumah, stay at home dan stay safe," katanya.-Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	GERBANG POST	ONLINE	

Bekalan Makanan berada di tahap yang stabil dan mencukupi – YB Dr. Ronald Kiandee



(8 April 2020) – Perutusan YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee -Menteri MOA

#### KENYATAAN MEDIA TERDAHULU

#### PEMAKLUMAN PENGOPERASIAN PASAR SEGAR TERKAWAL (PST) DI SELURUH MALAYSIA

1. Bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekapkan pengedaran bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan melaksanakan konsep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih secara berperingkat bermula 1 April sehingga 14 April 2020.
2. FAMA diperuntukkan untuk membuka 63 lokasi outlet di seluruh Negara iaitu 10 Pasar Tani Terpilih, 33 Pasar Tani Kekal, 17 Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama. Keseluruhan 97 lokasi ini akan melibatkan jualan barangan segar seperti sayursayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barang runcit dan barangan atas tani. Kesemua outlet ini akan dijenamakan semula sebagai "Pasar Segar Terkawal" (PST).
3. Untuk fasa pertama pelaksanaan PST, sebanyak 37 outlet FAMA di seluruh Malaysia telah beroperasi sejak semalam iaitu 17 buah Pusat Operasi FAMA, 17 buah Pasar Tani Kekal dan 3 buah MyFarm Outlet. 17 buah Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) yang diselia oleh LPP turut beroperasi yang melibatkan jumlah keseluruhan beroperasi sebanyak 54 buah.
4. Untuk fasa kedua, sebanyak 10 Pasar Tani Terpilih dan 16 Pasar Tani Kekal akan beroperasi. Pasar Tani Terpilih akan beroperasi sebanyak 2 kali seminggu (Rujuk Lampiran) dari jam 8.00 atau 8.30 pagi hingga 11.00 pagi atau 12.00 tengah hari. Pasar Tani Kekal, MyFarm Outlet dan Pusat Operasi FAMA akan dibuka seawal 8.00 atau 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 4.00 petang setiap hari.
5. FAMA memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang berkesan di sepanjang tempoh PKP ini dengan memperkemasan lagi konsep jualan secara online melalui portal Agrobazaar Online dan offline melalui rangkaian outlet-outlet pemasaran terpilih.
6. Para pelanggan digalakkan untuk melayari portal Agrobazaar Online ([www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my)) untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara pra pesanan dan membuat bayaran terus secara online bagi memudahkan urusan pengambilan di pick-up point dan urusan pandu lalu (drive-thru) di outlet-outlet pemasaran terpilih. Hal ini bagi menjaga social distance yang dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mencegah penularan wabak COVID 19.
7. Dalam pematuhan pencegahan wabak COVID 19 di 97 lokasi ini, jarak sosial di antara gerai-gerai yang berniaga akan dilakukan sementara pintu masuk dan keluar akan dikawalselia oleh pihak berkuasa.
8. Para pengguna juga dinasihatkan untuk membuat bayaran secara online dan tanpa tunai samada melalui pembayaran QR Pay dan E-wallet supaya dapat membendung penularan wabak COVID 19 melalui wang kertas.
9. Setiap outlet pemasaran FAMA ditetapkan untuk mengikuti Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan bagi pengunjung yang ingin mendapatkan bekalan makanan semasa tempoh PKP ini.

Antara SOP yang ditetapkan adalah:-

- i. Kenderaan masuk ke kawasan parking yang telah ditetapkan
- ii. Pengunjung beratur dengan jarak 1 meter
- iii. Pengunjung melepas saringan suhu
- iv. Menggunakan pembasmi kuman yang disediakan
- v. Masa dibenarkan selama 10 – 20 minit sahaja.
- vi. Pengunjung diminta membasmikan kuman sebelum keluar

10.Bagi pengguna yang membuat pembelian secara pandu lalu (Drive-Thru) di outlet ini, terdapat SOP yang perlu dipatuhi oleh pengunjung iaitu:

- i. Kenderaan memasuki kawasan perniagaan;
- ii. Borang tempahan akan diserahkan kepada pengguna;
- iii. Pengguna menyerahkan borang tempahan kepada petugas;
- iv. Pengguna menunggu dikawasan yang disediakan;
- v. Petugas akan menghubungi pengguna bagi pengambilan;
- vi. Bayaran terus dibuat semasa serahan barang dibuat.

11.Bagi pengguna yang membuat pra pesanan (pre order) melalui portal Agrobazaar Online atau media sosial, SOP yang perlu dipatuhi oleh pengguna adalah:-

- i. Pesanan akan dibuat melalui platform media sosial
- ii. Pesanan akan dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang
- iii. Penghantaran akan dibuat pada hari berikutnya melalui :
- iv. dropship
- v. self pick up
- vi. Bayaran akan dibuat di atas talian atau COD

Headline	Pemerintah Segera Pasok 250 Ribu Ton Gula Pasir ke Pasar		
MediaTitle	Head Topics ( <a href="http://headtopics.com/my">headtopics.com/my</a> )		
Date	09 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

## Pemerintah Segera Pasok 250 Ribu Ton Gula Pasir ke Pasar

Kementerian Pertanian bersama Kementerian Perdagangan dan Kementerian Perindustrian segera menggelontorkan 250 ribu ton gula pasir konsumsi ke pasar.  
Kementerian Pertanian bersama Kementerian Perdagangan dan Kementerian Perindustrian segera menggelontork...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>9/4/2020</b>	<b>BERNAMA</b>	<b>ONLINE</b>	

## Perintah: FAMA Kedah catat nilai jualan lebih RM2.47 juta sepanjang PKP



SUNGAI PETANI, 8 April -- Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa susulan penularan COVID-19, empat Pasar Tani Kekal (PTK) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di negeri ini, berjaya mencatatkan nilai jualan lebih RM2.47 juta, bermula 18 Mac lalu sehingga semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah Azman Nasrudin berkata, keadaan itu sekali gus memberi gambaran bahawa, semua PTK itu telah memberi manfaat kepada seramai 124 peniaga kecil, yang menjalankan peniagaan di situ.

"PTK Guar Chempedak mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM1.25 juta, PTK Changlun (RM943,730), PTK Kuala Kedah (RM201,678) dan PTK Kulim (RM81,406).

"Ini tidak termasuk dengan jualan penghantaran tempahan sebanyak RM136,865 atau 5.52 peratus, daripada keseluruhan nilai jualan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pasar Segar Terkawal (PST), yang beroperasi di Pusat Operasi FAMA Sungai Petani di sini, hari ini.

Dalam pada itu Azman berkata, setakat ini FAMA Kedah juga telah membantu seramai 73 petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka, bagi mengelakkan berlaku lambakan hasil dalam tempoh PKP berlangsung.

"Ini antara usaha FAMA bagi membantu golongan peniaga, petani, dan pengguna, dalam keadaan PKP sekarang. Langkah ini juga sebagai salah satu usaha untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan orang ramai tidak perlu panik," katanya.

Mengenai PST, Azman berkata setakat ini ia telah beroperasi di tiga lokasi, iaitu di Pusat Operasi FAMA Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi.

Pusat jualan segar terkawal itu beroperasi sementara sehingga tamat tempoh PKP, sebagai menambah pilihan kepada orang ramai membeli barang keperluan, pada masa ini.

"FAMA Kedah juga merancang untuk membuka PST ini di Baling, Padang Terap dan Pendang, sekiranya tempoh PKP ini dilanjutkan lagi," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## FAMA Kedah hantar barang ke rumah



AZMAN, (tengah kemeja biru muda) meninjau jualan peniaga di Pasar Segar Terkawal di Pusat Operasi FAMA Sungai Petani, di sini. FOTO Nor Farhani Che Ad  
Nor Farhani Che Ad  
am@hmetro.com.my

LEBIH 100 peniaga di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah melakukan penghantaran barang ke rumah pelanggan sejak arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah, Azman Nasrudin berkata, kaedah itu sekali gus dapat mengelakkan kesesakan berlaku di pusat jualan FAMA negeri.

"Selain pembelian terus di pusat jualan, FAMA memberi kemudahan kepada peniaga menjalankan perniagaan barang basah dan buah-buahan untuk membuat penghantaran terus ke rumah pelanggan."

"Pelanggan juga boleh membuat pesanan awal dan mengambil barang di pusat jualan FAMA tanpa perlu beratur panjang," katanya ketika memantau operasi di Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Sungai Petani, hari ini.

Katanya, lebih RM130,000 nilai jualan direkodkan melalui kaedah penghantaran barang yang dijalankan setakat semalam.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata, FAMA juga bercadang menambah tiga lagi PST bagi memaksimumkan rantaian bekalan dan pemasaran makanan di negeri itu sepanjang PKP.

Katanya, ketika ini, terdapat empat Pasar Tani Kekal (PTK) iaitu di Guar Chempedak, Changlun, Kuala Kedah dan Kulim yang beroperasi dari 6 pagi sehingga 12.30 tengah hari setiap hari.

Manakala, tiga PST yang beroperasi di pusat operasi FAMA di Sungai Petani, Alor Setar dan Langkawi dibuka empat kali seminggu bermula 8 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

"Kita bercadang membuka tiga lagi PST iaitu di Baling, Pendang dan Padang Terap tetapi masih meneliti beberapa aspek termasuk keperluan pengguna dan juga petugas mencukupi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>9/4/2020</b>	<b>BERITA HARIAN</b>	<b>ONLINE</b>	

## PKP: Hantar terus ke rumah pelanggan



SUNGAI PETANI: Lebih 100 peniaga di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah mengambil inisiatif menggunakan kaedah penghantaran barang basah dan buahan-buahan terus ke rumah pelanggan sejak arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin, berkata kaedah itu selaras dengan PKP sekali gus dapat mengelakkan kesesakan berlaku di pusat jualan FAMA.

"Selain pembelian terus di pusat jualan, FAMA memberi kemudahan kepada peniaga menjalankan perniagaan secara penghantaran terus ke rumah pelanggan.

"Pelanggan juga boleh membuat pesanan awal dan mengambil barang di pusat jualan FAMA tanpa perlu beratur panjang," katanya ketika mengadakan pemantauan di Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Sungai Petani, hari ini.

Beliau berkata, sehingga semalam, lebih RM130,000 nilai jualan direkodkan melalui kaedah jualan penghantaran barang yang dijalankan.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata, FAMA juga bercadang menambah tiga lagi PST bagi memaksimumkan rantai supPLY bekalan dan pemasaran makanan di negeri itu sepanjang PKP.

Katanya, ketika ini, terdapat empat Pasar Tani Kekal (PTK) iaitu di Guar Chempedak, Changlun, Kuala Kedah dan Kulim yang beroperasi setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Manakala, tiga PST yang beroperasi di pusat operasi FAMA di Sungai Petani, Alor Setar dan Langkawi yang dibuka empat kali seminggu bermula jam 8 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

"Kita bercadang membuka tiga lagi PST iaitu di Baling, Pendang dan Padang Terap.

"Bagaimanapun, kita masih meneliti beberapa aspek penting termasuk keperluan pengguna dan juga petugas yang mencukupi untuk memastikan prosedur operasi standard (SOP) PKP diikuti," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Kedah FAMA records RM2.47 million in sales during MCO



SUNGAI PETANI, April 8 -- Despite the enforcement of the Movement Control Order (MCO) following the COVID-19 outbreak, the four Federal Agricultural Marketing Authority's (FAMA) permanent farmers' markets in the state managed to record sales of more than RM2.47 million from March 18 until yesterday.

State Agriculture and Agro-based Industry, Transportation and Primary Industries Committee chairman Azman Nasrudin said the permanent farmers' markets were testimony to the 124 small traders who benefited from doing business there.

"The permanent farmers' market in Guar Chempedak recorded sales worth RM1.25 million, Changlun (RM943,730), Kuala Kedah (RM201,678) and Kulim (RM81,406).

"This does not include delivery orders of RM136,865 or 5.52 percent of the total sales value," he told reporters after launching the Controlled Fresh Market (PST) operating at the FAMA Sungai Petani Operations Centre here today.

Azman also said that FAMA Kedah had also assisted 73 farmers to market their agricultural products to prevent wastage of crops during the MCO period.

On the PST, Azman said so far it had operated at three locations namely the Alor Setar FAMA Operations Centre, Sungai Petani and Langkawi.

"Kedah FAMA is also planning to open PSTs in Baling, Padang Terap and Pendang if the MCO period is extended," he said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Petani lega, jalankan aktiviti pertanian seperti biasa



TASEK GELUGOR – Golongan penanam sayur dan buah kini mampu menghela nafas lega susulan pengumuman Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad lepas, yang membenarkan sektor pertanian beroperasi seperti biasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.

Tinjauan Bernama di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) dekat Ara Kuda, di sini mendapati aktiviti pertanian berjalan seperti biasa dengan para petani masing-masing sibuk menguruskan hasil pertanian untuk diedarkan kepada pemborong, yang kemudiannya dijual di beberapa pasar raya dan kedai runcit berhampiran.

Seorang penanam sayur dan buah, Rahemy Ab Rahim, 42, berkata arahan yang dikeluarkan kerajaan diharap dapat mengatasi masalah lambakan hasil pertanian kerana isu itu dilihat sebagai kmelut utama yang dihadapi rata-rata golongan penanam sayur dan buah.

"Buat masa ini kami beroperasi seperti biasa, namun dari segi perancangan kos pengeluaran tanaman, kami jarakkan masa (hari) supaya ia tidak melebihi permintaan bagi mengelakkan masalah lambakan," katanya kepada Bernama.

Menurutnya, sepanjang PKP beliau banyak bergantung kepada pemborong di sekitar Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Padang Serai, Kedah untuk membeli hasil tanaman seperti sawi, kangkung, kacang panjang dan bendi memandangkan pemborong dari Jitra, Sungai Petani dan Alor Setar tidak dapat membeli hasil pertanian itu ekoran pergerakan yang terhad sepanjang PKP.

"Lambakan hasil tanaman (saya) dalam sehari mencecah satu hingga dua tan dan pihak FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) akan membeli lambakan itu untuk dijual di pusat FAMA di Perai, Butterworth. Inisiatif itu sedikit sebanyak memberi kelegaan buat petani," katanya.

Seorang lagi penanam sayur, Teow Chun Tong, 47, berkata penjelasan terbaru oleh kerajaan itu amat bertepatan, namun golongan petani sendiri perlu menitikberatkan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil sepanjang berurusan dengan pelbagai pihak termasuk pekerja dan pemborong bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan COVID-19.

"Apa yang dinyatakan oleh kerajaan itu bagus malah berharap urusan memungut hasil di sini akan berjalan seperti sedia kala tanpa melibatkan lebihan. Cuma bagi saya kesihatan itu perlu diutamakan kerana kita tidak tahu dengan siapa kita berurusan. Malah, saya sering tekankan pekerja untuk sentiasa mengutamakan kebersihan tidak kira di mana mereka berada," katanya.

Tambahnya, beliau turut mengambil inisiatif mengagihkan lebihan sayuran seperti sawi bunga, timun, kacang panjang dan sebagainya kepada jiran tetangga dan golongan yang memerlukan bagi mengelakkan pembaziran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	PROJEK MM	ONLINE	

## Tiada lambakan sayur dan buah di Pulau Pinang



Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, dan Kesihatan Dr Norlela Ariffin berkata, tiada lambakan hasil pertanian di Pulau Pinang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). — Foto oleh Sayuti Zainudin

BUKIT MERTAJAM, 8 April — Tidak berlaku lambakan hasil pertanian seperti sayur dan buah-buahan di Pulau Pinang, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, dan Kesihatan Dr Norlela Ariffin berkata, pihak berkaitan telah memperincikan kaedah penyelesaian dan pendekatan yang lebih sistematis, bagi memastikan hasil pertanian di negeri itu dapat dijual sepanjang tempoh PKP.

"Kami sedar apabila semua pergerakan terhad, maka petani sukar untuk menjual hasil pertanian mereka apatah lagi pasar pagi, pasar tani, dan pasar malam, tidak dibenarkan beroperasi. Namun, mereka tidak perlu bimbang, kerana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang, telah membantu.

"Berdasarkan statistik yang saya dapat, FAMA menjual 3.5 tan hasil tanaman petani yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan agensi itu, setiap hari, malah FAMA turut dijadikan pusat pengumpulan makanan kerana mempunyai pelbagai kelengkapan, termasuk gudang yang besar bagi menyimpan semua hasil pertanian serta bekalan makanan, termasuk barang basah," katanya kepada Bernama, di sini, semalam.

Beliau berkata, petani sayur dan buah-buahan di negeri itu diingatkan supaya meneruskan jadual penanaman mereka bagi memastikan rantaian bekalan makanan mencukupi terutamanya ketika penularan wabak Covid-19.

Sementara itu, Norlela berkata FAMA Pulau Pinang juga memperluaskan jualan barang basah runcit dan buah-buahan segar secara dalam talian, malah konsep itu mendapat permintaan yang tinggi sejak arahan PKP dikuatkuasakan.

"FAMA membuka Pasar Segar Terkawal (PST) di pejabatnya di Perai pada setiap hari bekerja, bermula pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari. Dalam sehari, FAMA menerima 80 hingga 120 tempahan secara atas talian. Kesemua urusan tempahan, bungkus dan penghantaran dibuat oleh kakitangan mereka sendiri," tambahnya. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>9/4/2020</b>	<b>MY METRO</b>	<b>ONLINE</b>	

## Sayur, buah FAMA untuk penuntut UniSZA



PENUNTUT UniSZA melihat sayur dan buah sumbangan FAMA. FOTO GHAZALI KORI  
Ahmad Rabiul Zulkifli  
*am@hmetro.com.my*

SEBANYAK 250 kilogram buah-buahan dan sayur-sayuran disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kepada penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 Mac lalu.

"Sumbangan menerusi Pasar Segar Terkawal FAMA antaranya, termasuk tembakai, nanas, labu, kacang, lada dan ubi keledek.

"Kami berterima kasih di atas keprihatinan FAMA terhadap penuntut yang tidak dapat pulang," katanya ketika ditemui pada Program Pengagihan Hasil FAMA kepada Penuntut UniSZA.

Selain itu, Hassan Basri berkata, Taman Mini Botani yang diwujudkan di setiap blok asrama penuntut mengeluarkan hasil sayuran organik antara 20 ke 30 kilogram yang dapat dimanfaatkan penuntut untuk sumber makanan mereka.

"Antaranya tanaman ini, kacang panjang, bayam, sawi dan timun yang dapat menjadi bekalan sayur segar buat mereka," katanya yang memberitahu projek tanaman itu kendalian Fakulti Bio Sumber.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>9/4/2020</b>	<b>THE STAR</b>	<b>ONLINE</b>	

## Venture pays off for Fama



**Samsolbari (second from left) with Johor Fama director Shahrizan Sudirman (left) visiting Pasar Tani Datin Halimah.**

JOHOR BARU: Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has recorded RM200,000 worth of sales through its online Agrobazaar service, with over 1,500 orders from customers during the movement control order (MCO) period so far.

Johor agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the service was introduced to enable the public buy groceries without having to leave their homes.

"From March 20 until April 3, we have achieved more than RM200,000 in sales," he said after visiting Pasar Tani Datin Halimah here.

He explained that the application was introduced by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) in 2014 to help bridge demand and supply between farmers and consumers.

"Fama recently changed the contents sold to fresh fruits, vegetables, seafood, poultry and meat to meet the needs of the people."

"In Johor alone, we have 1,410 farmers registered in the programme and all produce are sold online at an affordable price and guaranteed fresh," he said.

Samsolbari said the apps helped ensure farmers earned income during the MCO.

He said Fama delivered online orders to customers located within 30km from Pasar Tani Datin Halimah and Fama centre in Tampoi that covers areas between Gelang Patah and Pasir Gudang.

"There is still a lot of room for improvement in terms of delivery and payment method and we are looking into these areas, apart from expanding online delivery to other districts in Johor," he said.

The Agrobazaar online application can be downloaded from Apple App Store, Google playstore or [www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my)

On another matter, Samsolbari said farmers or fishermen with excess produce or catch and were unable to sell them should immediately inform Fama or the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM).

"We understand that some of them do not have the transportation or storage capacity. We can help. Alert us quickly and we can sell their produce to other states."

"I received reports on a few such cases which were resolved by Fama and other agencies," he said.

Samsolbari said the public need not fear as there was enough food supply in Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	THE SUN DAILY	ONLINE	

## Veggies can be transported out of Kundasang: Junz



**KOTA KINABALU:** The Government has allowed an exemption for the transportation of vegetables from Kundasang to other parts of Sabah like Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau since the first and second week of the Movement Control Order (MCO).

To date, a total of 148 permissions involving 184 vehicles have been registered with special movement stickers.

This was revealed by Minister of Agriculture and Food Industry, Datuk Junz Wong here yesterday following the press release by Jailin Nazrin, the Kampung Lipasu Unit head for the Kinabalu Area Farmers'Association (PPK) recently.

Jailin was recently reported as saying, "The problem is getting worse, as vegetable wholesalers from outside Kundasang are not allowed in. Vegetables are important for the people, and their production and sales must continue."

Junz said the agency involved in enforcing the MCO are the Royal Malaysian Police, but the transportation of vegetables from Kundasang to Brunei, Sarawak or even Semenanjung was exempted.

Junz explained that at the Ranau/Kundasang district level, all agencies involved were working together to ensure farmers and transporters are assisted.

"My ministry, the district office, the police, the Health Ministry, Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and all involved are working closely with the relevant stakeholders like farmers and transporters to ensure the process is smooth."

"The MCO has affected everyone, especially farmers in Kundasang. This is unavoidable as we need to bend the curve. But we are working closely to reduce the impact on essential activities."

Veggies can be transported out of Kundasang – Junz

POSTED ON APRIL 8, 2020, WEDNESDAY AT 5:59 AMSABAH

Junz Wong

**KOTA KINABALU:** The Government has allowed an exemption for the transportation of vegetables from Kundasang to other parts of Sabah like Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau since the first and second week of the Movement Control Order (MCO).

To date, a total of 148 permissions involving 184 vehicles have been registered with special movement stickers.

This was revealed by Minister of Agriculture and Food Industry, Datuk Junz Wong here yesterday following the press release by Jailin Nazrin, the Kampung Lipasu Unit head for the Kinabalu Area Farmers'Association (PPK) recently.

Jailin was recently reported as saying, "The problem is getting worse, as vegetable wholesalers from outside Kundasang are not allowed in. Vegetables are important for the people, and their production and sales must continue."

Junz said the agency involved in enforcing the MCO are the Royal Malaysian Police, but the transportation of vegetables from Kundasang to Brunei, Sarawak or even Semenanjung was exempted.

Junz explained that at the Ranau/Kundasang district level, all agencies involved were working together to ensure farmers and transporters are assisted.

"My ministry, the district office, the police, the Health Ministry, Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and all involved are working closely with the relevant stakeholders like farmers and transporters to ensure the process is smooth."

"The MCO has affected everyone, especially farmers in Kundasang. This is unavoidable as we need to bend the curve. But we are working closely to reduce the impact on essential activities."

Junz said he was informed that Sabah FAMA was monitoring the situation to ensure vegetables planted in Kundasang reach Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, Kudat and Kota Kinabalu.

"Vegetables from Kundasang have even reached Sarawak through Sindumin. In fact, Sabah FAMA has also facilitated 45 metric tonnes of produce to places like Selayang in Selangor and Kuala Lumpur. There was no issue."

Meanwhile, Junz praised farmer and activist Azizul Julirin and his friends for assisting the transportation of produce to Kota Kinabalu.

Headline	Greens from Kundasang can now be transported out		
MediaTitle	The Star	Color	Full Color
Date	09 Apr 2020	Circulation	175,986
Section	Nation	Readership	527,958
Page No	10	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Language	English	AdValue	RM 8,891
Journalist	Muguntan Vanar	PR Value	RM 26,674
Frequency	Daily		



# Greens from Kundasang can now be transported out

By MUGUNTAN VANAR  
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Steps are already in place for highland vegetables from Kundasang to be transported to the main markets in Sabah, Sarawak, Brunei and Peninsular Malaysia, says state Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong.

A mechanism has been put in place that will allow 58 farmers and wholesalers from the Kundasang area to send out their produce to Kota Kinabalu and the east coast towns of Sandakan and Tawau.

Approvals have also been given to 148 entities and 184 lorries to transport the goods from Kundasang following initial logistics hiccups after the movement control order was put in place on March 18.

Wong said the Ranau district office was put in charge to ensure guidelines were observed and the police would not stop the movements of vegetables and other food items between districts. The exports of highland vegetables to Brunei, Sarawak and the peninsula would not be interrupted, he said.

He was commenting on a claim by farmer Jailin Nazrin that vegetables could not be sent



**Next delivery:** A group loading up a pickup truck with vegetables to be delivered to Kota Kinabalu.  
— Bernama

out because "outside" wholesalers could not enter the district.

Wong said the district office and the agriculture department were among the agencies assisting those affected.

He said the Sabah Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) had also informed him that steps had been taken to send the highland vegetables to other smaller towns in Sabah and Sarawak through Sabah's border town of Sindumin.

Headline	Beras cukup sehingga enam bulan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	416 cm <sup>2</sup>
Journalist	JUNHAIRI ALYASA	AdValue	RM 8,819
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,458



# Beras cukup sehingga enam bulan

Bekalan makanan untuk rakyat Malaysia masih mencukupi berdasarkan kajian KRI

Oleh JUNHAIRI ALYASA

SHAH ALAM

**S**tok beras di Malaysia mampu bertahan untuk tempoh empat hingga enam bulan jika kadar penggunaan makanan rujti rakyat Malaysia itu kekal sebanyak 200,000 metrik tan (mt) sebulan.

Berdasarkan kajian Institut Kajian Khazanah (KRI), Malaysia mempunyai 150,000mt stok kecemasan milik kerajaan yang disimpan dalam gudang-gudang di bawah selain syarikat Padiberas Nasional Bhd (Bernes).



DR SARENA

Mengikut Akta 522 Kawalan Padi dan Beras, ketika kecemasan, kerajaan Malaysia juga boleh mengambil beras yang disimpan dalam gudang-gudang swasta yang dianggarkan sebanyak 500,000mt untuk kegunaan rakyat.

Penyelidik Kanan KRI, Dr Sarena Che Omar berkata, pada kelazimannya beras yang sudah diimport dan berada di dalam kapal atau di pelabuhan sudah melebihi 100,000mt.

"Ini memberi jumlah tidak kurang daripada 750,000mt beras pada satu-satu masa. Jumlah ini tidak termasuk padi yang baru dituai di mana hasil tuaian di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sahaja menghasilkan dalam lingkungan 400,000mt hingga 600,000mt beras semusim.

"Jika rakyat memerlukan 200,000mt beras sebulan, maka Malaysia mempunyai stok untuk empat hingga enam bulan, bukannya 2.5 bulan



FOTO: BERNAMA

seperti yang disalah lapor sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sarena berkata, sebelum ini Menteri Pertanian dan Industri Makanan juga memberi jaminan bahawa stok beras negara mencukupi.

"Paling penting rantaiannya berjalan lancar dan berkesan supaya beras tempatan dapat bergerak

dari sawah kepada pengguna tanpa sekatan atau pembaziran," katanya.

Dalam pada itu, Sarena berkata, permintaan terhadap makanan segar di pasar raya meningkat mendadak semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Walaupun permintaan tinggi, kita masih menikmati bekalan makanan yang mencukupi

tidak seperti situasi kekurangan bekalan topeng muka di pasaran.

"Bagaimanapun, perkara ini tidak patut dipandang ringan. Kita harus memastikan bekalan makanan terutamanya makanan asasi terus mencukupi di pasaran," katanya.

Menurutnya, makanan di Malaysia diperoleh melalui hasil pengeluaran dalam negeri dan import.

Seorang pekerja dibantu Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) memasuki beras ke dalam Dewan Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Harmoni di Sandakan beru-beru ini untuk bantuan Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	THE STAR	ONLINE	

## Sabah food security: Failing to prepare is preparing to fail

THE greatest danger for most of us is not that our aim is too high and we miss it, but that it is too low and we reached it. - Michelangelo.

To remain content and be idle is also a danger, and we note this same contentment from Sabah's Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong recently when he downplayed issues with food supplies, particularly rice.

Yes, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) has assured Sabah it has a four-month stockpile. But what is beyond this four-month horizon?

The Covid-19 pandemic has upended business with the Malaysian Institute for Economic Research forecasting 2.4 million job losses this year.

And topping that with widespread "hoarding" by consumers and enhanced stockpiling by countries to ride out this pandemic, it has driven up grain prices and pushed the food security agenda. It also created market pandemonium for the most basic of essential items, food, among many, including Sabahans.

Sabah is highly reliant on food imports, especially rice, where imports in 2017 made up 74% of its total supply, while vegetable imports made up 47%, according to data from the Sabah Agricultural Blueprint 2018.

The pandemic has unfortunately thrown a spanner into the import economy with several Asean nations mulling a ban on rice exports.

On March 25, the world's third-largest rice exporter, Vietnam, did just that.

That set tongues wagging among Sabahans, asking whether food security could morph into a major crisis in the months ahead. Although blessed with abundant fertile arable land, much remains unused.

In 2017, out of 322,600 hectares suitable for padi cultivation, only about 10% or 31,274 hectares were farmed.

This is especially worrying for a state that in 2016 had a median household income of RM4,110, below the RM5,228 national average and a Gini coefficient of 0.402 compared to the national 0.399.

A higher Gini coefficient indicates more inequality. It is therefore heart-breaking that while many Sabahans earn un-liveable wages, they endure higher prices through added logistics costs and levies slapped on imported foodstuff.

There are many underlying economic reasons for Sabah's over-reliance on rice imports.

Firstly, the state's poor infrastructure renders the logistics of processing, storage and distribution extremely inefficient, with long logistics delays contributing to loss of quality and attrition from weather and pests, before it reaches the market.

Secondly, underdevelopment of mechanisation adds labour intensiveness into the agricultural output.

The Sabah rice farmer produces an average yield of 3.39 tonnes per hectare, far below Vietnam's 5.4 tonnes per hectare.

Thirdly, the open market economy allowed consumers to buy cheaper imported rice.

As Albert Einstein once said, in the midst of every crisis, lies great opportunity.

Sabah should seize this moment to re-strategise making our homeland as a rice bowl for the country.

We must reactivate the thousands of hectares of idle padi land while diversifying to food crops outside of commodities such as oil palm.

Sabah can be a food basket and producer of high end and exotic food and fruits with increase in yields, productivity and diversity by experimenting with introduction of short and longer term crops.

We must embrace smart partnerships and sharing of technologies and innovations in new farming techniques to productively farm our vast area of coastal lands.

The government must set the right agriculture policy tone to get produce from farm to the table, encompassing production, storage, logistics, quality control, marketing, branding and product development.

It should kill two birds with one stone and promote bustling farmers' markets in cities and towns, like the famed Dutch Flower Market in Amsterdam and Japan's Tsukiji fish market, to serve as tourist destination

In agriculture, Sabah offers great promise and exciting potential but lacks in political will to seize the moment.

We stand reminded by this famous quote,"Be not afraid of growing slowly, be only afraid of standing still".

Dr Pamela Yong is the deputy chairman of the Institute of Strategic Analysis and Policy Research

Headline	Prihatin Package for SMEs will drive business momentum - Sabah SMEs		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	09 Apr 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 329
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 987



## Prihatin Package for SMEs will drive business momentum – Sabah SMEs

**KOTA KINABALU:** Sabah small and medium enterprises have welcomed the Prihatin Package for SMEs (Additional Measures) worth RM10 billion announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin on Monday, saying it would preserve their business momentum after the Movement Control Order (MC) ends.

Datuk Dayang Khatijah Datu Bachtiyal, president of Sabah women entrepreneurs association IKSnita, said the package shows the government's concern in ensuring SMEs' resilience in the future, citing the special RM3,000 grant for each micro SME, interest-free micro-credit loans, and the wage subsidy scheme.

"However, the aid should be delivered more effectively to the target groups," she told Bernama. IKSnita has 1,890 registered members statewide.

Young entrepreneur Azizul Julirin pointed out that some agropreneurs may not be eligible for the special grant as they are not registered with the Inland

Revenue Board since their annual income is too low to be taxable.

"I suggest that the grant is channelled through the Agriculture Department, Area Farmers Organisations, Fisheries Development Authority of Malaysia or agencies under the Agriculture and Food Industry Ministry," he said.

Sandakan Bumiputera Business and Entrepreneur Development Chambers president Zulkifli Joseph Teo said the additional allocation could help lower the operating costs of SMEs in the district, but added that the government should introduce a more liberal credit policy.

Meanwhile, Hanna Marsha Harijulian Sisnita, president of Sandakan women small and medium industries association Sisnita, urged the body's over 100 members to take advantage of the government aid package, saying some of them have had to resort to cash on delivery transactions during the MC period. - Bernama

Headline	Sabah can be food basket - institute		
MediaTitle	Borneo Post (KK)	Color	Full Color
Date	09 Apr 2020	Circulation	18,290
Section	Home	Readership	54,870
Page No	5	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Language	English	AdValue	RM 1,556
Journalist	N/A	PR Value	RM 4,668
Frequency	Daily (EM)		



## Sabah can be food basket – institute

**KOTA KINABALU:** Sabah can be a food basket and producer of high end exotic food and fruits with increase in yields, productivity and diversity by experimenting with introduction of short and longer term crops.

To do this, Sabah must embrace smart partnerships and sharing of technologies and innovations in new farming techniques to productively farm our vast area of coastal lands, said Deputy Chairman of the Institute of Strategic Analysis and Policy Research, Dr Pamela Yong.

Dr Pamela added that the government must set the right agriculture policy tone to get produce from farm to the table, encompassing production, storage, logistics, quality control, marketing, branding and product development.

"Kill two birds with one stone and promote bustling farmers market in cities and towns, like the famed Dutch Flower Market in Amsterdam and Japan's Tsukiji fish market, to serve as tourist destinations.

In agriculture, Sabah offers great promise and exciting potential but lacks in political will to seize the moment, she said and took Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong to task for down playing the issues with food supplies, particularly rice in Sabah.

"Yes, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) had assured Sabah it has a four-month stockpile. So what's beyond this four-month horizon?" she questioned.

Dr Pamela in a statement stressed that the Covid-19 pandemic has upended the business with the Malaysian Institute for Economic Research

forecasting 2.4 million job losses this year.

And topping that with widespread 'hoarding' by consumers and enhanced stockpiling by countries to ride out this pandemic, it has driven up grain prices and pushed up the food security agenda. It also created market pandemonium for the most basic of essential items, food, among many including Sabahans, she pointed out.

Sabah, she said, is highly reliant on food imports, especially rice, where imports in 2017 made up 74 per cent of its total supply, whilst vegetable imports made up 47 per cent, according to data from The Sabah Agricultural Blueprint 2018. The pandemic has unfortunately thrown a spanner into the import economy with several Asean nations mulling a ban on rice export.

On March 25, the world's third-largest rice exporter, Vietnam, did just that. That set tongues wagging among Sabahans, asking whether food security could morph into a major crisis in the months ahead.

Although blessed with abundant fertile arable land, much remains unused. In 2017, out of 322,600 hectares suitable for paddy cultivation, only about 10 per cent or 31,274 hectares were farmed, she said.

"This is especially worrying for a state that in 2016 had a median household income of RM4,110, below the RM5,228 national average and a gini coefficient of 0.402 compared to the national 0.399.

"A higher gini coefficient indicates more inequality. It is therefore heart-breaking that while many Sabahans earn unliveable wages, they endure



Dr Pamela

higher prices through added logistics costs and levies slapped on imported foodstuff," she said.

Dr Pamela added that there are many underlying economic reasons for Sabah's over-reliance of rice imports.

"Firstly, the state's poor infrastructure renders the logistics of processing, storage and distribution extremely inefficient, with long logistics delays contributing to loss of quality and attrition from weather and pests, before it reaches the market.

"Secondly, underdevelopment of mechanisation adds labour intensiveness into the agricultural output. The Sabah rice farmer produces an average yield of 3.39 tonnes/hectare, far below Vietnam's 5.4 tonnes/hectare.

"Thirdly, the open market economy allowed consumers to buy cheaper imported rice. As Albert Einstein once said, in the midst of every crisis, lies great opportunity. Sabah should seize this moment to re-strategise making our homeland as a rice bowl for the country. We must reactivate the thousands of hectares of idle paddy land while diversifying to food crops outside of commodity such as oil palm," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2020	NST	ONLINE	

## Make Malaysia's MCO a model for many



People, wearing face masks as a preventive measure against the spread of the Covid-19 novel coronavirus, shop for food items in the Geylang Serai market in Singapore on April 8, 2020. -- Pix: AFP

**LETTERS:** FOR the first time in my memory, our closest neighbour, Singapore, is learning from us in enforcing a similar type of Movement Control Order to fight Covid-19.

Singapore closed schools yesterday and most workplaces from Tuesday, to be opened again on May 5, its strictest measure yet to battle the pandemic that has led to more than 1,100 confirmed cases in the city state.

It is a case of better late than never, as Singapore has seen local transmission and community spread of the virus cases on the rise. It is a decisive move to preempt escalating infections.

Like in Malaysia, the Singapore government advised its people to stay home as much as possible, avoid socialising with people outside of their households, and only go out for essential things.

The fact that Singapore is adopting a similar strategy means its leaders are convinced that what Malaysia has done is the best way to contain the spread of the virus.

It proves the farsightedness of Malaysia's top leaders. They have been quick off the mark in reacting to the outbreak.

They need to anticipate and take bold actions based on advice from experts. Apart from a visionary leader, we also need a civilised society that adheres to the government's directives.

If all precautionary measures are adhered to by the people, we will stop the virus transmission, much like a circuit breaker.

Singaporeans make up the highest number of foreign visitors to Malaysia at more than 10 million a year.

We are happy that Singapore has taken preemptive measures, working as part of a joint regional effort to battle Covid-19.

Failure is not an option. We have to make the Malaysian model successful so it can become a role model for Asean and the world over.

Malaysia needs success stories, to be quoted as a country which had executed its MCO implementation well.

Malaysia Boleh. We will, we must and we can do it together. Stay home to stay away from Covid-19.